

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KOPERASI KOLEJ VOKASIONAL

(The involvement of students in vocational college cooperatives)

¹Siti Hajar Saaey*, ²Nazirah Baharudin, ³Shamsul Khairi Abu Hassan,
⁴Mohamad Haniff Mohamad Hashim, ⁵Nur Afifah Izzati Mokhtar

¹ Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia
^{2,3,4,5} Institut Koperasi Malaysia

*Corresponding author email: hajar@ikma.edu.my

Received 30 March 2023; Revised 22 September 2023; Accepted 29 September 2023

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional. Kajian ini melibatkan unit analisis pelajar yang menganggotai Koperasi Kolej Vokasional di seluruh Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah analisis yang digunakan adalah deskriptif statistik dan regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional adalah tinggi. Kajian mendapati terdapat tiga faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar iaitu kemahiran, kepuasan sendiri dan manfaat. Hasil kajian mendapati faktor kemahiran dan kepuasan sendiri merupakan faktor utama yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional. Implikasi kajian ini akan dapat membantu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembangunan dan penggubalan dasar terutama melibatkan pembangunan keusahawanan dan koperasi dalam kalangan belia.

Kata kunci: Kolej vokasional, koperasi, penglibatan pelajar, faktor-faktor, pengaruh

ABSTRACT

This study was conducted to identify the factors influencing student involvement in Vocational College Cooperatives. The respondents of this study are students who are members of Vocational College Cooperatives throughout Malaysia. This study used a quantitative questionnaire method, descriptive statistics, and multiple regression for analysis. The study results show that student involvement in Vocational College Cooperatives is remarkably high. Furthermore, this study indicates that three (3) factors influence the participation of the students in cooperatives: skills, self-satisfaction, and benefit. The study found that skill and self-satisfaction are the main factors that influence student involvement in Vocational College Cooperatives. These findings have practical implications, as they can guide the Ministry of Entrepreneurship and Cooperative Development (KUSKOP) and the Ministry of Education (KPM) in developing and formulating policies relevant to developing entrepreneurship and cooperatives among youth.

Keywords: Vocational college, cooperative, student involvement, factors, influence

PENGENALAN

Belia merujuk kepada para pelajar sebagai anggota, anggota lembaga koperasi (ALK) dan pengurusan koperasi yang berumur 18 hingga 40 tahun di dalam Kolej Vokasional (Hashim et al., 2021). Golongan ini merupakan aset utama dalam sesebuah negara. Kejayaan sesebuah negara bergantung kepada kemahiran kita untuk mendidik dan membangunkan generasi pelajar pada hari ini dan melengkapkan mereka dengan kemahiran utama seperti kemahiran bersosial, kemahiran pengurusan dan kemahiran urus niaga yang cekap untuk kegunaan pada masa depan.

Medium yang bersesuaian dengan strategi pembangunan pelajar atau belia perlu dikenal pasti dan diberi keutamaan. Oleh itu, wajar untuk kita memilih gerakan koperasi sebagai satu medium bagi pembangunan pelajar atau belia. Bagi merealisasikan agenda ini, satu kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang perlu diberi keutamaan bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti gerakan koperasi khususnya pelajar yang berada di Kolej Vokasional seluruh Malaysia. Melalui gerakan koperasi ini juga, ia akan dapat memastikan tenaga kerja,

komitmen dan usaha mereka digunakan sepenuhnya dalam membangunkan sesebuah organisasi.

Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada tahun 2019 menunjukkan bilangan koperasi, anggota, syer/yuran, aset dan perolehan bagi Koperasi Kolej Vokasional masih berada di tahap yang rendah jika dibandingkan dengan statistik keseluruhan koperasi di Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah pertambahan bilangan koperasi, bilangan penyertaan anggota, yuran, aset dan perolehan di Kolej Vokasional dilihat semakin meningkat. Justeru, amatlah penting penglibatan belia dalam gerakan koperasi agar mereka dapat menyumbang dan memainkan peranan dalam aktiviti berkoperasi.

Penglibatan juga boleh didefinisikan sebagai kekerapan seseorang individu melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu (Malek, 2017). Penglibatan juga boleh dilihat sebagai tenaga yang diperuntukkan untuk sesi pembelajaran di kampus, interaksi secara bersama pelajar dan juga boleh dilihat sebagai usaha yang diberikan untuk membangunkan sesebuah organisasi dalam kampus. Justeru itu, kajian ini akan melihat kepada tahap dan faktor-faktor penglibatan pelajar Kolej Vokasional dalam aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi daripada segi aktiviti sosial dan juga aktiviti yang bermotifkan keuntungan kepada koperasi.

Perbincangan berikutnya, menjelaskan pernyataan masalah, objektif, definisi dan perincian kerangka kajian dalam sorotan kajian. Seterusnya, bahagian metodologi menerangkan rangka kerja bagi penyelidikan yang dijalankan. Bahagian analisis dan dapatan pula, membincangkan hasil analisis kajian. Manakala bahagian terakhir menerangkan rumusan dan cadangan kajian.

PENYATAAN MASALAH

Statistik menunjukkan jumlah persatuan belia yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan belia Malaysia (ROY) turun mendadak pada tahun 2020 iaitu sebanyak 152, 2019 sebanyak 549 dan 365 bagi tahun 2018 (Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia, 2022). Kajian Sani dan Saad (2018) pula menerangkan jumlah

persatuan belia yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia Malaysia (ROY) hanya 20 peratus daripada populasi belia Malaysia terlibat dalam persatuan belia. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh SKM pada Jun 2017-2020, menunjukkan penglibatan belia dalam koperasi belia berada pada tahap yang semakin menurun iaitu daripada segi bilangan koperasi berkurangan sebanyak 3.85 peratus, bilangan anggota menurun sebanyak 0.33 peratus dan jumlah syer/yuran menurun sebanyak 30.56 peratus.

Secara keseluruhannya pada tahun 2020, terdapat peningkatan dalam jumlah pengangguran. Golongan belia merupakan golongan yang paling ramai menganggur iaitu hampir 50% daripada kadar pengangguran negara bagi setiap tahun. Oleh itu, kewujudan Kolej Vokasional dilihat sebagai usaha kerajaan untuk mempersiapkan belia dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi membolehkan belia untuk memenuhi keperluan industri negara. Meskipun begitu, masih terdapat belia yang menganggur dan tidak menunjukkan keupayaan untuk menceburi pelbagai industri dengan menggunakan kemahiran yang telah diperolehi di peringkat pengajian. Selain itu, golongan belia juga dikatakan kurang menunjukkan kecenderungan mereka dalam aktiviti organisasi seperti koperasi, sukarelawan dan sebagainya.

Penerapan budaya berkoperasi sebenarnya telah mula dipupuk sejak mereka di bangku sekolah lagi. Namun, perkara ini terhenti apabila mereka meningkat dewasa. Golongan belia kurang menjadikan koperasi sebagai platform utama dalam menjalankan sesebuah perniagaan terutama semasa dalam pembelajaran di institusi latihan masing-masing (Hashim Ket al., 2021). Hal ini mengakibatkan peranan mereka dalam koperasi dewasa yang lain kurang memberangsangkan.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti apakah tahap dan faktor-faktor yang mendorong kepada penglibatan pelajar dalam koperasi. Ini penting kerana perniagaan melalui koperasi adalah bersifat pembelajaran secara "hands-on" iaitu praktikal yang membantu pelajar memperoleh pengalaman sebenar dunia perniagaan. Penglibatan dalam koperasi akan menjadikan para pelajar meningkatkan keupayaan kemahiran ke tahap maksimum dengan mempraktikkan perjalanan sesebuah perniagaan secara bersama.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti tahap penglibatan pelajar dalam koperasi Kolej Vokasional; dan
- ii. Menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional.

SOROTAN KAJIAN

Penglibatan pelajar

Penglibatan merujuk kepada penekanan sikap individu terhadap keseluruhan organisasi atau sosial yang merangkumi aspek kerja, kepimpinan, komunikasi, pengalaman dan persekitarannya (Hashim et al., 2021). Penglibatan pelajar selain daripada aktiviti akademik memberikan mereka peluang menggilap potensi diri sebelum memasuki alam pekerjaan pada masa hadapan serta meningkatkan kemahiran perhubungan dan menjadikan pelajar seorang menjadi seorang pemerhati yang aktif dalam setiap aktiviti (Michael et al., 2019). Penglibatan pelajar dalam menyertai aktiviti sukarelawan adalah berbeza bagi setiap individu yang dipengaruhi faktor luaran dan dalaman (Rasul et al., 2020). Penglibatan pelajar dalam koperasi kolej vokasional adalah asas terhadap pengamalan koperasi di mana pelajar yang memperoleh ilmu pengetahuan, berpengalaman dalam aktiviti yang menyamai keusahawanan dan bakal mewarisi kepimpinan dan pentadbiran setelah meninggalkan alam pengajian (Nawang & Mamat, 2019).

Persekitaran

Persekitaran merujuk kepada faktor luaran yang mempengaruhi pencapaian pelajar sama ada daripada segi kelakuan, intelektual, emosi dan hubungan sosial (Ghazali et al., 2023). Persekitaran dapat dikaitkan dengan suasana atau budaya sekolah daripada segi fizikal, sosial, perkembangan intelek dan aspek penggunaan bahasa. Kejayaan pelajar dipengaruhi faktor dalaman dan juga persekitaran yang melibatkan sistem pendidikan yang kondusif, kemudahan di sekolah dan sokongan ibu bapa (Chzin & Surat, 2021). Pelajar yang dilengkapkan dengan persekitaran yang baik membantu melahirkan graduan yang bersedia mampu bekerja dengan berdikari dalam perniagaan dan industri (Rafiq et al., 2023). Pengaruh persekitaran yang baik

akan memberi kesan emosi dan tindakan terhadap kesungguhan pelajar dan membentuk sahsiah diri yang cemerlang. (Aziz et al., 2022). Secara kesimpulannya, persekitaran pembelajaran yang menarik, kondusif dan menyeronokkan amat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang boleh mempengaruhi emosi pelajar dengan sendiri (Shaari et al., 2012; Ibrahim, 2014).

Manfaat

Terdapat kajian yang membahagikan manfaat kepada dua bahagian iaitu manfaat dalaman dan manfaat luaran (Mura 2002). Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum didorong oleh manfaat yang diperoleh dan membatu pelajar mengisi masa dengan aktiviti berfaedah dan berjaya mengurangkan masalah tidak bermoral dalam kalangan pelajar (Zaini & Muhamad, 2022). Kesan positif terhadap kualiti pekerja diperoleh melalui manfaat luaran gaji, bonus dan penyeliaan berbanding manfaat dalaman (Rashid, 2015). Salah satu faktor penting yang mampu menyumbangkan kepada keberkesanan organisasi ialah manfaat yang dapat memberikan kesan yang positif terhadap sikap dan gelagat individu. (Bustamam et al., 2014). Manfaat yang diuruskan dengan baik akan meningkatkan motivasi dalam kalangan pekerja dan mereka akan bekerja lebih keras bagi mencapai matlamat dan strategi organisasi (Ghazafar et al., 2011; Imran et al., 2014).

Dorongan

Dorongan merupakan suatu motivasi yang dapat merangsang seseorang individu untuk lebih berusaha dengan gigih dan berani menghadapi kesukaran serta inginkan perubahan dalam mencapai kejayaan. Menurut kajian Micheal (2023), dorongan terhadap murid terutama sokongan ibu bapa merupakan faktor yang mempengaruhi penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Hamsari dan Yahaya (2012), menjelaskan bahawa dorongan terdiri daripada faktor keluarga, rakan, media massa dan persekitaran luar yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi seseorang individu untuk mencapai kejayaan. Dorongan daripada rakan ialah motivasi kepada pelajar dalam membuat keputusan. (Wong, 2021). Pengaruh rakan, saudara mara memainkan peranan kepada semua individu untuk menyertai kelab dan faktor ibu bapa pula memainkan peranan besar dalam mempengaruhi individu untuk

menyertai projek yang dijalankan (Weikert et al., 2015). Faktor persekitaran, keluarga dan pihak luar merupakan faktor pendorong kepada pemilihan subjek pembelajaran yang menjurus kepada perkembangan kerjaya (Ahmad & Rahman, 2014). Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa dimensi dorongan merupakan faktor yang mempunyai pengaruh terhadap penglibatan pelajar dalam koperasi Kolej Vokasional.

Minat

Minat merupakan penggerak kepada motivasi yang melibatkan proses membangkitkan dan mengekalkan dan minat merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi pencapaian mereka (Ismail et al., 2019). Seseorang individu yang mempunyai motivasi dan minat yang tinggi akan berusaha gigih mencapai untuk matlamat yang dingini (Bakari et al., 2016). Minat yang tinggi mempengaruhi keyakinan diri dan menjadi penggerak yang akan memupuk kesungguhan pelajar serta menghasilkan pembuatan keputusan yang lebih berkualiti dalam melaksanakan aktiviti (Hashim et al., 2021). Namun begitu, kajian Hashim et al. (2021) menyatakan kebanyakan belia hanya minat menyertai koperasi sebagai anggota biasa sahaja dan tiada keyakinan untuk menjawat jawatan yang tinggi dalam pengurusan koperasi. Ia turut disokong kajian Panjaitan et al. (2020) di mana pelajar atau generasi Z tidak begitu mengenali koperasi dengan mendalam, hanya sekadar pengetahuan teori dan konsep yang menyebabkan mereka kurang berminat untuk terlibat dalam koperasi. Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa dimensi minat mempunyai pengaruh terhadap penglibatan pelajar dalam koperasi Kolej Vokasional.

Kemahiran

Kemahiran merujuk kepada kemampuan, kecekapan atau mempunyai kelayakan dalam melaksanakan sesuatu perkara atau aktiviti (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022). Kemahiran merupakan pendorong kepada kreativiti dan inovasi pelajar untuk menjadi seorang usahawan yang mempunyai ciri keusahawanan yang baik. (Rao et al., 2022). Kajian Jumelan (2014) menekankan kepentingan kemahiran insaniah merupakan komponen penting yang wajib dikuasai semasa pengajian yang akan melahirkan pelajar yang serba boleh, berfikiran kritis dan inovatif. Pembentukan kemahiran mempengaruhi penglibatan pelajar kerana penerapan elemen kepimpinan,

komunikasi dan kerjasama berpasukan diperoleh semasa melaksanakan aktiviti. (Mat et al., 2017). Kajian ini menyamai kajian Nawang dan Mamat (2019) di mana kajian mendapati kemahiran keusahawanan mempengaruhi penglibatan pelajar kerana ia bersifat pembelajaran secara praktikal (*hands-on*) yang membolehkan pengalaman sebenar diperoleh. Kebolehan pasaran pelajar bukan sahaja dalam memenuhi kemahiran yang diperlukan majikan tetapi memperoleh pengalaman mengikuti aktiviti secara praktikal di institusi pengajian dalam kalangan graduan (Abd Rahman et al., 2017). Kemahiran yang diperoleh pelajar semasa dalam pengajian dapat melahirkan modal insan yang mempunyai keterampilan diri dan kompetensi yang mampu bersaing dengan alam pekerjaan hasil daripada persediaan yang kukuh daripada pengalaman yang diperoleh semasa pengajian di IPT (Azim et al., 2013). Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa dimensi kemahiran merupakan faktor yang mempunyai pengaruh terhadap penglibatan pelajar dalam koperasi Kolej Vokasional.

Kepuasan sendiri

Kajian Affendi (2014) menyatakan keperluan kepuasan diri mengikut teori Maslow 1954 merupakan tahap tertinggi di mana seseorang individu ingin mencapai peningkatan diri, meningkatkan potensi diri yang membolehkan individu rasa mempunyai harga diri, berkebolehan dan berjasa kepada masyarakat. Kepuasan sendiri diperoleh berasaskan kepuasan individu dalam melaksanakan aktiviti dan bukan didorong oleh rangsangan luaran atau demi memperoleh ganjaran luaran (Ling, 2021). Keinginan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan bergantung pada kepuasan sendiri melalui sikap dan keinginan untuk berdikari secara aktif dalam keusahawanan. (Rao et al., 2022). Kepuasan sendiri berkait dengan perasaan terhadap kebolehan diri dan juga menerima penilaian daripada orang lain (Othman dan Jasni, 2016). Seseorang pelajar mempunyai motivasi dalaman, mereka akan melaksanakan aktiviti tersebut tanpa memerlukan apa-apa insentif dan ia telah dapat memenuhi kepuasan diri mereka Ahmad dan Rahman (2014). Kepuasan sendiri seseorang merupakan penyumbang kepada aktiviti sukarelawan di mana faktor nilai iaitu keprihatinan mereka terhadap orang lain apabila melaksanakan aktiviti tersebut. (Muhamad & Alauddin, 2013). Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa dimensi kepuasan sendiri merupakan faktor yang mempunyai pengaruh terhadap penglibatan pelajar dalam koperasi Kolej Vokasional.

Tanggungjawab

Tanggungjawab pelajar merujuk kepada sikap keprihatinan tinggi dan melaksanakan tugas dengan sehabis baik sesuatu tugas (Ismail et al., 2021). Apabila tahap tanggungjawab sendiri pelajar meningkat, pelajar boleh memiliki keupayaan yang lebih tinggi untuk mengawal proses pembelajaran mereka namun tanggungjawab sendiri perlu diikuti dengan persekitaran yang menyokong (Lazarus, 2018). Sifat bertanggungjawab adalah berbeza mengikut setiap individu terhadap proses dan kemajuan pembelajaran mereka. (Ahmad & Rahman, 2014). Keupayaan refleksi diri memberi kesan positif terhadap kesanggupan seseorang individu untuk bertanggungjawab, yang boleh membantu pelajar mencipta pendekatan mereka sendiri untuk mencapai tahap kompetensi dalam meningkatkan prospek kerjaya (Lazarus dan Ferris, 2016). Manusia mempunyai ciri personaliti yang gemar untuk mempunyai kedudukan di atas, suka diberikan tanggungjawab, diberikan kebebasan membuat keputusan dan dipertanggungjawab atas segala tindakan mereka (Othman, 2009). Kemahiran insaniah yang terbentuk melalui aktiviti kokurikulum mendorong rasa tanggungjawab dalam diri pelajar terhadap diri sendiri, masyarakat dan negara. Ini kerana keupayaan pengamalan nilai murni yang terbentuk untuk bertindak secara rasional dalam aktiviti seharian. (Surat et al., 2022).

Berdasarkan sorotan literatur, adalah didapati bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam sesebuah organisasi termasuklah koperasi. Antara faktor-faktornya ialah faktor motivasi intrinsik dan ekstrinsik, faktor motivasi Maslow, motivasi Herzberg dan sebagainya (Prihartanta, 2015). Antara faktor yang mempengaruhi penglibatan belia dan keusahawanan ialah faktor sosio-demografik, penerimaan, sikap terhadap industri, pengetahuan, sokongan, kepercayaan dan jaringan (Ahmed & Sum, 2017). Walau bagaimanapun, bagi kajian ini skop pemboleh ubah yang dipilih ialah persekitaran, manfaat, dorongan, minat, kemahiran, kepuasan sendiri dan tanggungjawab. Dimensi ini dipilih kerana dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa ia sangat relevan dan signifikan dalam menyumbang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi.

H1: Terdapat pengaruh yang signifikan antara persekitaran dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional.

H2: Terdapat pengaruh yang signifikan antara manfaat dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional.

H3: Terdapat pengaruh yang signifikan antara dorongan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional.


H4: Terdapat pengaruh yang signifikan antara minat dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional.

H5: Terdapat pengaruh yang signifikan antara kemahiran dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional.

H6: Terdapat pengaruh yang signifikan antara kepuasan sendiri dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional.

H7: Terdapat pengaruh yang signifikan antara tanggungjawab dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional.

Kajian ini menerangkan tentang hubungan antara pemboleh ubah yang mempengaruhi permasalahan kajian yang digambarkan dalam bentuk gambar rajah 1.



Rajah 1: Kerangka kajian penglibatan pelajar koperasi kolej vokasional

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Instrumen kajian yang diguna pakai menggunakan borang soal selidik. Soal selidik dalam kajian ini dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan rujukan kajian literatur lepas. Borang soal selidik mengandungi faktor pendorong penglibatan pelajar, jenis penglibatan pelajar, isu dan cabaran dihadapi pelajar dan cadangan penambahbaikan penglibatan pelajar dalam aktiviti berkoperasi. Kajian ini tertumpu kepada semua Koperasi Kolej Vokasional yang aktif di seluruh Malaysia. Unit analisis ialah pelajar yang menganggotai Koperasi Kolej Vokasional. Bagi pemilihan sampel, ia dibuat secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) menggunakan kaedah bukan rawak. Untuk kajian ini, terdapat 45 Kolej Vokasional (SKM, 2019) yang mempunyai koperasi. Bagi jumlah responden bagi pelajar, sekurang-kurangnya 384 orang responden diperlukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan bagi pensampelan kerana bilangan anggota koperasi keseluruhan Koperasi Kolej Vokasional ialah 29,595 orang (SKM, 2019).

Borang soal selidik berkaitan penglibatan pelajar mengandungi empat bahagian iaitu:

- i. Bahagian A : Profil responden
- ii. Bahagian B : Faktor pendorong kepada penglibatan pelajar
- iii. Bahagian C : Penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi
- iv. Bahagian D : Cabaran dan cadangan meningkatkan penglibatan pelajar

Penyelidik menggunakan skala Likert 5 mata untuk mengukur setiap pernyataan item pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Penyelidik telah mendapatkan maklumat responden melalui pos, *drop and collect*, *online* dan temu bual secara bersemuka. Walau bagaimanapun, hanya 414 borang soal selidik yang boleh digunakan untuk dianalisis.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Faktor pendorong menyertai koperasi

Jadual 2 menunjukkan faktor pendorong aktiviti berkoperasi. Daripada jadual, didapati empat daripada tujuh faktor yang dikaji menunjukkan min tertinggi pemboleh ubah tidak bersandar bagi faktor yang mendorong responden untuk terlibat dalam aktiviti

berkoperasi iaitu persekitaran (4.16). Ini diikuti dengan faktor minat (4.05), manfaat (4.02), dan tanggungjawab (4.01). Dapatan ini membuktikan bahawa empat faktor ini merupakan faktor pendorong kepada aktiviti berkoperasi dalam kalangan anggota. Tiga (3) dimensi lagi mempunyai min 4 dan ke bawah iaitu kepuasan sendiri, dorongan dan kemahiran. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa antara strategi yang boleh dilaksanakan ialah dengan mewujudkan suasana koperasi yang kondusif, menjalankan program kesedaran berkoperasi, meningkatkan kesedaran dan kebaikan berkoperasi dan menimbulkan sifat tanggungjawab kepada pelajar untuk terlibat dalam aktiviti berkoperasi.

Bagi pemboleh ubah bersandar pula, min penglibatan dalam keusahawanan koperasi menunjukkan nilai 3.36. Nilai ini menunjukkan penglibatan dalam aktiviti berkoperasi berada dalam kategori sederhana tinggi. Didapati juga hasil analisis mendapati nilai Alpha Cronbach untuk semua dimensi melebihi 0.7. Ini menunjukkan bahawa semua instrumen kajian yang nyatakan menghasilkan suatu keputusan yang konsisten dan boleh dipercayai.

Jadual 2: Dimensi pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar

Pemboleh Ubah Tidak Bersandar

Bil.	Dimensi	Alpha Cronbach	Min
1.	Persekitaran	0.829	4.16
2.	Minat	0.891	4.05
3.	Manfaat	0.885	4.02
4.	Tanggungjawab	0.922	4.01
5.	Kepuasan Kendiri	0.922	3.93
6.	Dorongan	0.880	3.91
7.	Kemahiran	0.863	3.82

Pemboleh Ubah Bersandar

Bil.	Dimensi	Alpha Cronbach	Min
1.	Penglibatan dalam Aktiviti Berkoperasi	0.941	3.36

Penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi

Dimensi ini merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian terhadap pelajar dan mempunyai 8 pernyataan. Berdasarkan Jadual 3, hasil analisis menunjukkan nilai min skor antara 3.14 (Saya terlibat dalam menentukan hala tuju koperasi) sehingga 3.88 (Saya merupakan pengguna produk/perkhidmatan koperasi). Min skor keseluruhan ialah 3.36.

Jadual 3: Pernyataan penglibatan dalam aktiviti koperasi

Pernyataan	Min Skor
Saya merupakan pengguna produk/perkhidmatan koperasi	3.88
Saya memasarkan produk/perkhidmatan di koperasi	3.37
Saya terlibat dalam menjalankan projek perniagaan koperasi	3.36
Saya terlibat dalam merancang aktiviti berkoperasi	3.34
Saya terlibat dalam mesyuarat menentukan perniagaan koperasi	3.31
Saya terlibat dalam membuat keputusan aktiviti perniagaan koperasi	3.25
Saya menyumbang idea berkaitan perniagaan kepada koperasi	3.25
Saya terlibat dalam menentukan hala tuju koperasi	3.14

Analisis regresi

Analisis regresi merupakan analisis yang menunjukkan perhubungan dan perkaitan antara variabel dengan variabel yang lain. Jadual 4 menunjukkan daripada *regression model summary* tersebut, nilai R^2 menunjukkan 0.405. Ini bermaksud 40.5% varians dalam penglibatan dalam koperasi diterangkan oleh dimensi manfaat, kemahiran dan kepuasan sendiri.

Jadual 4: Ringkasan model regresi

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.637 ^a	.405	.395	.76424

a. *Predictors:* (constant), sikap, bantuan kewangan, kemahiran, teknologi, ganjaran, pengetahuan, dorongan, minat

b. *Dependent variable:* Penglibatan

i. Regression path coefficients result

Berdasarkan jadual 5 di bawah menunjukkan faktor manfaat, kemahiran dan kepuasan sendiri ialah signifikan pengaruhnya terhadap Penglibatan dalam aktiviti koperasi kerana nilai p kurang dari 0.05. Manakala faktor minat ialah signifikan pengaruhnya terhadap penglibatan dalam aktiviti koperasi namun mempunyai hubungan yang negatif.

Jadual 5: Hasil analisis regresi

Coefficients^a

Model	Unstandardised Coefficients		Standardised Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	.391	.252		1.553	.061
Persekitaran	-.138	.087	-.093	-1.589	.057
Manfaat	.142	.081	.111	1.760	.040
Dorongan	.146	.098	.121	1.491	.069
1 Minat	-.206	.112	-.163	-1.839	.033
Kemahiran	.342	.096	.271	3.576	.000
Kepuasan Kendiri	.392	.114	.338	3.431	.000
Tanggungjawab	.097	.108	.080	.895	.186
(Constant)	.391	.252		1.553	.121

Hasil hipotesis

Kajian ini mempunyai sepuluh hipotesis yang dicadangkan. Berdasarkan jadual 6, tiga hipotesis diterima manakala tujuh lagi ditolak.

Jadual 6: Hasil hipotesis

Hipotesis	Hasil
H1: Terdapat pengaruh yang positif dan signifikan antara persekitaran dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional	Ditolak
H2: Terdapat pengaruh yang positif dan signifikan antara manfaat dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional	Diterima
H3: Terdapat pengaruh yang positif dan signifikan antara dorongan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional	Ditolak
H4: Terdapat pengaruh yang positif dan signifikan antara minat dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional	Ditolak
H5: Terdapat pengaruh yang positif dan signifikan antara kemahiran dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional	Diterima
H6: Terdapat pengaruh yang positif dan signifikan antara kepuasan sendiri dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional	Diterima
H7: Terdapat pengaruh yang positif dan signifikan antara tanggungjawab dan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi Kolej Vokasional	Ditolak

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati empat daripada tujuh faktor yang dikaji menunjukkan min tertinggi bagi faktor yang mendorong responden untuk terlibat dalam aktiviti berkoperasi iaitu persekitaran, minat, manfaat dan tanggungjawab. Dapatan ini membuktikan bahawa empat faktor ini merupakan faktor pendorong kepada aktiviti berkoperasi dalam kalangan anggota. Keempat – empat faktor ini mempunyai nilai min di tahap yang tinggi iaitu melebihi 4.0. Hal ini selari dengan dapatan kajian-kajian lepas seperti Rao et al. (2022) dan Ong et al. (2021) apabila dapatan kajian mereka melaporkan faktor persekitaran berada di tahap yang tinggi.

Selain itu bagi faktor minat pula, dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Hashim et al. (2021) dan Mohamad dan Othman (2018) di mana hasil kajian turut mendapati minat pelajar terhadap aktiviti koperasi berada di tahap yang tinggi. Hal ini sekali gus menyokong bahawa minat merupakan antara faktor yang mempengaruhi mereka terlibat dalam aktiviti koperasi. Bagi faktor manfaat, dapatan ini selari dengan dapatan kajian Hashim et al. (2021) yang menyatakan bahawa manfaat yang diperolehi pelajar menyumbang kepada keterlibatan mereka dalam koperasi manakala sikap tanggungjawab juga merupakan pendorong untuk pelajar terlibat dalam aktiviti keusahawanan (Amaran & Hamzah, 2021)

Bagi analisis regresi berganda pula, kajian mendapati terdapat tiga (3) faktor yang signifikan iaitu kemahiran, kepuasan sendiri dan manfaat manakala empat (4) lagi faktor tidak mempengaruhi penglibatan pelajar terhadap aktiviti koperasi. Kajian mendapati faktor kemahiran merupakan faktor utama yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam koperasi Kolej Vokasional. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Nawang dan Mamat (2019) di mana hasil kajian mendapati kemahiran keusahawanan mempengaruhi penglibatan pelajar kerana ia bersifat pembelajaran secara praktikal (hands-on). Bagi meningkatkan penglibatan pelajar, aktiviti utama yang perlu ditingkatkan ialah dengan mengasah kemahiran berkoperasi seperti tadbir urus, kewangan, perancangan strategik dan sebagainya.

Kemudian, faktor kedua pula yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi iaitu kepuasan sendiri. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang lepas oleh Rao et al. (2022) yang mendapati kepuasan dalam melibatkan diri dalam koperasi juga antara kaedah untuk mempertingkatkan penglibatan dalam koperasi. Seterusnya, kajian mendapati faktor manfaat mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi. Dapatan kajian ini disokong oleh Zaini dan Muhamad (2022) yang mendapati manfaat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi. Oleh itu wajar pihak koperasi menawarkan pelbagai manfaat untuk menarik minat pelajar supaya terlibat dengan aktiviti koperasi.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional dan mengkaji faktor – yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional. Hasil kajian mendapati tahap penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional bagi dimensi persekitaran, minat, manfaat dan tanggungjawab menunjukkan nilai min lebih daripada 4 dan berada pada tahap yang tinggi. Kajian juga mendapati tiga (3) faktor iaitu kemahiran, kepuasan sendiri dan manfaat mempunyai pengaruh yang positif terhadap penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional.

Manakala faktor persekitaran, dorongan, minat, kepuasan sendiri dan tanggungjawab didapati tidak mempunyai pengaruh terhadap penglibatan pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional. Sehubungan dengan itu, koperasi perlulah bersedia untuk menyediakan manfaat sama ada berbentuk kewangan dan bukan kewangan kepada anggota dalam memastikan penglibatan pelajar terdorong dalam menceburi dan melibatkan diri dalam koperasi dan seterusnya berjaya meningkatkan kemahiran insaniah mereka melalui koperasi.

Selain itu, impak kajian ini dapat membantu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembangunan dan penggubalan dasar terutama melibatkan pembangunan keusahawanan dan koperasi dalam kalangan belia. Seterusnya, membantu Institut Koperasi Malaysia dalam menghasilkan pembangunan modal insan dalam bentuk latihan dan program yang dapat berkesan dan bersesuaian dengan pelajar Kolej Vokasional dan gerakan koperasi. Di samping, membantu agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam penggubalan penghasilan dasar dan strategi yang dapat meningkatkan peranan dan melahirkan golongan belia yang mempunyai nilai keusahawanan dan menyumbang dalam koperasi.

Hasil daripada kajian ini pengurusan koperasi juga perlu melihat kepada penyediaan platform dan ruang kepada pelajar dalam meningkatkan ilmu keusahawanan mereka melalui koperasi. Faktor kemahiran dan kepuasan sendiri yang dilihat memberikan

pengaruh positif terhadap penglibatan pelajar wajar dititik beratkan pihak pengurusan Koperasi Kolej Vokasional sebagai faktor dalaman yang diperlukan pelajar. Persekitaran koperasi yang kondusif di samping penyediaan faktor dorongan seperti aktiviti keusahawanan, penglibatan mereka dalam setiap program koperasi dilihat dapat menarik minat mereka untuk menceburi koperasi di samping manfaat ganjaran yang menarik. Tambahan lagi, sokongan daripada pihak pengurusan tertinggi Kolej Vokasional dan keluarga juga memainkan peranan penting mendorong penglibatan pelajar dalam koperasi.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini seharusnya dilihat sebagai satu indikator dalam membangunkan sama ada dasar dan polisi dalam meningkatkan budaya keusahawanan koperasi dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional. Koperasi seharusnya dilihat sebagai platform utama dalam setiap aktiviti sama ada berbentuk pembelajaran formal atau tidak formal. Sinergi antara pentadbir sekolah dan ALK koperasi harus sentiasa demi kelestarian dan Koperasi Kolej Vokasional kekal relevan.

Dicadangkan kajian akan datang membuat penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam kepada koperasi kolej Vokasional daripada aspek pengurusan, penglibatan dan pementapan perniagaan koperasi. Di samping, mengenal pasti kaedah untuk menangani isu dan cabaran penglibatan pelajar dalam koperasi Kolej Vokasional dan mengenal pasti kaedah untuk menangani isu dan cabaran penglibatan pelajar dalam pengurusan tertinggi koperasi Kolej Vokasional.

RUJUKAN

- Abd Rahman, L., Mohamad, W. M., Isa, Z. M., & Ahmad, H. (2017). Corak kajian keboleh pasaran siswazah di Malaysia: Sorotan antara tahun 2010-2015: Paten of studies of Malaysia graduates employability: Review between 2010-2015. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 4(2), 31-43.
- Affendi, F. (2014). *Tahap kepuasan kerja dan komitmen organisasi dalam kalangan guru kolej vokasional: Pendekatan structural equation model* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

- Ahmad, M. Z. B., & Rahman, M. Z. B. A. (2014). *074 Intrinsik dan Ekstrinsik: Tinjauan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama*. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014), KL, 17 – 18 November 2014
- Ahmed, M. C., & Sum, S. M. (2017). Belia dan Keusahawanan Tani: Kajian faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan belia sebagai usahawan tani di Pasir Puteh, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).
- Amaran, M. A., & Hamzah, M. S. (2021). Faktor penglibatan, ciri personaliti dan cabaran usahawan siswazah dalam bidang keusahawanan. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 207-216
- Azim, M. K., Hazrul Izuan, S., & Mohd Sofiean, B. (2013). Pelaburan awal modal manusia daripada perspektif penglibatan aktiviti ko-kurikulum kepada tempoh pengangguran siswazah Malaysia. *Prosiding PERKEM VIII*, 3, 1099-1107.
- Aziz, S. N. S., Mastor, K. A., & Kasan, H. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 259-271.
- Bakari, A. M., & Kamaruddin, R. (2016). Faktor ekstra linguistik: Motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di 5 Universiti di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 4, 83-92.
- Bustamam, F. L., Teng, S. S., & Abdullah, F. Z. (2014). Reward management and job satisfaction among frontline employees in hotel industry in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 144, 392-402.
- Chzin, D. T. J., & Surat, S. (2021). Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137-157.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2022). *Kamus dewan: Edisi keempat* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazafar, F., Chuannim, S., Khan, M. M., & Bashir, M. (2011). A study of relationship between satisfaction with compensation and work motivation. *International Journal of Business and Social Science*, 2(1), 120-131.
- Ghazali, M. I., Ismail, W. O. A. S. W., Amri, M. S., Sukeri, M. M., & Suhaimi, N. A. S. (2023). Elemen Persekitaran mempengaruhi kecemerlangan akademik murid tingkatan lima di sekolah menengah agama. *Asian People Journal (APJ)*, 6(1), 178-189.
- Hamsari, N. A., & Yahaya, A. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 30-57.

- Hashim, M. H. M., Shaik, A. R. A. R., Ariffin, A., Hassan, S. K. A., Rashid, R., Ab Rahman, M. F., & Baharudin, N. (2021). Penglibatan belia dalam pengurusan tertinggi koperasi [The involvement of youth in the top management of cooperative]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 74-87.
- Hashim, M. H. M., Yunus, M. Z. M., & Ali, Salwana (2021). Penglibatan mahasiswa dalam KOSISWA: Kajian empirikal di institut pengajian tinggi awam Malaysia. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 17, 89-105
- Ibrahim, H. (2014). *Pengaruh faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Imran, A., Ahmad, S., Nisar, Q. A., & Ahmad, U. (2014). Exploring the relationship among rewards, recognition and employees' job satisfaction: A descriptive study on libraries in Pakistan. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 21(9), 1533-1540.
- Ismail, M. E., Hashim, S., Abd Samad, N., Hamzah, N., Masran, S. H., Daud, K. A. M., ... & Kamarudin, N. (2019). Factors that influence students' learning: An observation on vocational college students. *Journal of Technical Education and Training*, 11(1).
- Ismail, M. J., Hamuzan, H. A., & Maarof, N. H. (2021). Meneroka tingkah laku unik pelajar pintar cerdas berbakat akademik (Exploring unique behavior of gifted students with academic talented). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(2), 301-328.
- Jumelan, J. E. (2014). *Penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Lazarus, D. (2018). Student self-responsibility in the Indonesian distance education system. *JAS-PT (Jurnal Analisis Sistem Pendidikan Tinggi Indonesia)*, 1(2), 69-78.
- Lazarus, D., & Ferris, T. L. (2016). *Assessing self-responsibility in employability competencies development among Australian engineering students: Introductory report*.
- Ling, P. F. (2021) Faktor dan Strategi untuk Meningkatkan Motivasi Akademik dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah.
- Mat, N., Noordin, M. S., & Abdullah, N. A. (2017). Pembentukan kemahiran insaniah pelajar melalui badan beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*, 20(1).

- Malek, N. A. (2017). Penglibatan Ibu Bapa dalam Perkembangan Holistik Kanak-kanak di Taska Permata Kemas. *Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia*.
- Micheal, S. (2023). Pengaruh minat murid, sokongan ibu bapa dan kompetensi guru terhadap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. *Jurnal Pemikiran Pendidikan, 11(1)*, 36-49.
- Michael, S., & Ambotang, A. S. (2019). Hubungan pengurusan kokurikulum dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 4(7)*, 202-207.
- Mohamad, R., & Othman, N. (2018). Korelasi efikasi sendiri keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar pra-universiti (Correlation of entrepreneurial self-efficacy and entrepreneurial inclination among pre-university students). *Akademika, 88(2)*.
- Muhamad, T. A., & Alauddin, A. N. M. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 38(2)*, 51-59.
- Mura, F. (2002). *Kajian faktor ganjaran dalam memotivasikan pekerja sokongan: Kajian di salah sebuah organisasi kerajaan*. (Unpublished degree thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Nawang, W. M., & Mamat, I. (2019). Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika, 89(2)*, 50-63.
- Ong, T. C., Nazili, T. M. A. T. M., & Lai, C. S. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan pelajar bidang teknologi kimpalan dalam ko-kurikulum di Kolej Vokasional: Factors that influence welding technology students involvement in co-curriculum at Vocational College. *Online Journal for TVET Practitioners, 6(2)*, 80-90.
- Othman, N. (2009). Keseimbangan personaliti dan akademik sebagai teras pembangunan modal insan. http://eprints.UTM.my/17876/1/Jurnal_UiTM-Keseimbangan_Personaliti_dan_Akademik_sebagai_Teras_Pembangunan_Modal_Insan.Pdf.
- Othman, R., & Jasni, N. F. A. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities, 1(1)*.
- Panjaitan, O. W. O., Mahrita, A., & Rahayu, R. (2020). Persepsi dan minat generasi Z dalam berkooperasi guna mendorong keberlanjutan koperasi (Studi Pada Cu Betang Asli). *Competence: Journal of Management Studies, 14(2)*, 234-250.

- Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (2022). *Statistik Pendaftaran Pertubuhan Belia (2016-2021)*. <https://roy.kbs.gov.my/en/statistik/statistik-pendaftaran-pertubuhan-belia-2016-2021.html>
- Prihartanta, W. (2015). Teori-teori motivasi. *Jurnal Adabiya*, 1(83), 1-11.
- Rafiq, A. A., Triyono, M. B., & Djatmiko, I. W. (2023). The integration of inquiry and problem-based learning and its impact on increasing vocational student involvement. *International Journal of Instruction*, 16(1), 659-684.
- Rashid, N. H. M. (2015). *Hubungan antara ganjaran dan etika kerja Islam dengan komitmen dalam kalangan pekerja di Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia). Universiti Teknologi Malaysia. Malaysia.
- Rao, N. H. C., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2022) Keusahawanan pelajar institusi pengajian tinggi: Adakah sikap, kemahiran dan persekitaran membentuk keinginan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7 (48), 601-619
- Rasul, N., Mohamed, R., Wahid, S. N. A., Junus, Y. M., & Noh, R. A. (2020). Faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti bukan akademik anjuran Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 85-94.
- Sani, M. U. M., & Saad, S. (2018). Pelaksanaan dan cabaran penglibatan belia dalam parlimen belia Malaysia. *e-BANGI*, 13(1), 1-17.
- Shaari, A. S., Mohd Yusoff, N., Ghazali, M. I., Osman, R. (2012). Hubungan antara gaya pengajaran pensyarah dengan penglibatan akademik pelajar universiti.
- Surat, S., & Rahman, S. (2022). Penglibatan aktiviti kokurikulum dan kemahiran insaniah dalam kalangan murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001451-e001451.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). (2019). *Perangkaan Gerakan Koperasi Malaysia, Interim 2019*. [https://www.skm.gov.my/images/images/Statistik-Gerakan-Koperasi/Statistik-Interim/Statistik-Interim-2019/RINGKASAN%20PERANGKAAN%20JUN%202019\(PORTAL\)1.1.pdf](https://www.skm.gov.my/images/images/Statistik-Gerakan-Koperasi/Statistik-Interim/Statistik-Interim-2019/RINGKASAN%20PERANGKAAN%20JUN%202019(PORTAL)1.1.pdf)
- Weikert, B., Hoover, T., Radhakrishna, R., & Swinker, A. (2015). The factors that influence the involvement of youth in Pennsylvania 4-H Extension District 16 Livestock Programs. *Journal of Extension*, 53(4).
- Wong, F. (2021). Tinjauan Tahap Kepuasan Graduan Mengikuti Pengajian Di Kolej Komuniti Paya Besar.
- Zaini, N. M., & Muhamad, T. A. (2022). Hubungan antara kecergasan fizikal dengan prestasi kokurikulum dalam kalangan murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001269-e001269.